



DR 9 TAHUN 2017  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PEMBINAAN KOMPLEKS KOLEJ TENTERA UDARA, KEPALA BATAS ,  
KEDAH

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEMBINAAN KOMPLEKS KOLEJ TENTERA UDARA, KEPALA BATAS, KEDAH DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)</b>	<b>1-13</b>
<b>2</b>	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	<b>14</b>
<b>3</b>	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
<b>4</b>	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	



**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PEMBINAAN KOLEJ  
TENTERA UDARA DI KEPALA BATAS,  
KEDAH DARUL AMAN  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA  
(MINDEF)**

**1. PENDAHULUAN**

Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara Di Kepala Batas, Kedah Darul Aman di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 15 Mac 2017 iaitu dalam prosiding Bilangan 3/2017.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara di Kepala Batas, Kedah Darul Aman di bawah MINDEF bertujuan mengkaji dan meneliti isu-isu berikut:

- i. Memastikan sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.
- ii. Memastikan dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dipatuhi.
- iii. Menentukan sama ada prosedur perolehan Kerajaan dibuat sewajarnya dan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- iv. Mengenal pasti sama ada pengurusan kontrak dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Pengarah Sektor Audit Prestasi II selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;

- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pengurusan pembinaan Kolej Tentera Udara di Kepala Batas, Kedah Darul Aman iaitu Ketua Setiausaha (KSU) MINDEF untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) menghadiri prosiding berhubung isu ini.

#### **4. LATAR BELAKANG**

- 4.1 Kolej Tentera Udara (KTU) merupakan pusat latihan yang ditubuhkan bertujuan untuk melatih pegawai dan krew udara bagi memenuhi keperluan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang merangkumi Pusat Latihan Pegawai, Institut Teknologi Aerospace (ITAS) dan Pusat Latihan Terbang. Bangunan dan prasarana KTU yang tersedia ada di Kepala Batas, Alor Setar, Kedah telah dibina pada sekitar tahun 70an dan mana kebanyakannya telah rosak dan usang serta tidak dapat menampung kapasiti pelatih.
- 4.2 Pada Jun 2008, MoF telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan secara tender terbuka di kalangan Kontraktor Kelas A yang berdaftar di negeri Kedah sahaja.

Selepas dilaksanakan proses pemilihan tender, pada Januari 2010, MoF telah memutuskan untuk melantik Keindah Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi melaksanakan projek ini dengan kos RM96.07 juta.

Tempoh pembinaan KTU bermula 9 Februari 2010 dan dijangka siap pada 5 November 2012. Memandangkan siling peruntukan bagi membiayai projek ini hanya RM80 juta, MINDEF memohon peruntukan tambahan daripada MoF dan sejumlah RM25.97 juta telah diluluskan pada November 2011.

Berikutan itu siling peruntukan untuk projek ini, adalah berjumlah RM105.97 juta.

## **5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU MINDEF dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1. Penjelasan Awal Wakil Ketua Audit Negara**

Wakil Ketua Audit Negara telah memaklumkan kesemua isu yang dibangkitkan untuk projek KTU telah selesai diambil tindakan.

## 5.2 KETERANGAN KSU MINDEF

Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, KSU MINDEF memaklumkan bahawa Kementerian berkenaan sentiasa peka dan bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan isu-isu yang telah dibangkitkan dalam LKAN berhubung pengurusan pembinaan KTU.

Semua sembilan (9) isu yang dibangkitkan oleh pihak JAN telah diambil tindakan dan berstatus selesai dalam *dashboard* JAN.

## 5.3 PENEMUAN PAC PARLIMEN

Hasil penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

### 5.3.1 **Nilai keseluruhan projek belum dimuktamadkan kerana pelarasan harga kontrak masih belum disahkan oleh pihak perunding.**

Bahagian Pembangunan MINDEF memaklumkan bahawa kos projek dimuktamadkan meningkat sehingga RM106.16 juta dengan mengambil kira anggaran kos perubahan kerja, pelarasan kerja kontrak dan pelarasan harga turun naik barang (VOP) berjumlah RM12.21 juta.

Bagaimanapun jumlah bagi anggaran Arahan Perubahan Kerja (APK) dan pelarasan harga kontrak masih belum disahkan oleh pihak perunding. JAN berpendapat MINDEF perlu memastikan nilai kos projek yang dibayar adalah selaras dengan kerja-kerja pembinaan.



### **Maklum balas MINDEF**

- i. Kos kerja fizikal berjumlah RM101,898,724.75 telah dimuktamadkan pada 16 November 2016.
- ii. Jumlah bagi kos perunding sahaja termasuk APK dan pelarasan harga kontrak telah disahkan adalah sebanyak RM11,013,983.81.
- iii. Setelah mengambil kira kos perubahan kerja, pelarasan kerja kontrak dan VOP, jumlah akhir kos projek adalah RM113,376,905.86.

**Tindakan preventif** : MINDEF telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bahagian Pembangunan Bil. 5/2015 bertarikh 17 Februari 2015 mengenai Larangan Penambahan dan Pengubahsuaian Skop Projek Yang Telah Dimuktamadkan bagi Projek Pembangunan Kementerian Pertahanan.

#### **5.3.2 Bangunan tidak diduduki sepenuhnya walaupun telah siap dibina.**

Lawatan JAN pada 13 hingga 17 Oktober 2014 mendapati semua bangunan telah siap dibina. Bagaimanapun, masih terdapat bangunan tidak diduduki sepenuhnya iaitu Kompleks Markas KTU, Tingkat 3 Kompleks Markas Pusat Latihan Pegawai (PLP), Makmal Pusat, Stor Kerusi Anjal dan Stor Peluru & Senjata. Ia berikutan masalah tiada kelengkapan perabot dan penyambungan kabel telekom dari sistem PABX kompleks baru ke rangkaian kompleks lama yang belum dilaksanakan menyebabkan sistem komunikasi tidak berfungsi.

### Maklum balas MINDEF

Kelengkapan perabot bagi Kompleks KTU telah dibekalkan pada 1 Disember 2014 dengan kos RM200,000.00. Manakala pemasangan sistem PABX di KTU oleh Telekom Malaysia telah siap pada 31 Disember 2015 dengan kos RM1.19 juta.

Tindakan preventif : MINDEF telah menetapkan bahawa projek yang bernilai RM50 juta perlu dibawa ke Makmal Pengurusan Nilai seperti mana Pekeliling EPU Bil. 3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009 dalam memastikan skop projek yang hendak dimuktamadkan hendaklah memenuhi kefungsiannya projek dan dilaksanakan dengan kos projek yang diluluskan.

#### **5.3.3. Bilik makmal yang terhad dan tidak boleh menempatkan peralatan latihan praktikal boleh menjejaskan sesi pembelajaran di ITAS.**

Ruang makmal yang dibina adalah terhad dan tidak boleh menempatkan peralatan latihan praktikal daripada makmal ITAS yang lama. Makmal yang dibina juga tidak mempunyai kemudahan yang lengkap seperti kuasa bekalan elektrik yang mencukupi untuk menampung penggunaan bahan elektrik yang berkuasa tinggi, tiada kemudahan meja *workbench* yang dilengkapi dengan 3 pin *plug*, tiada sistem pengudaraan dan *emergency shower* bagi tujuan keselamatan.

### **Maklum balas MINDEF**

Peralatan elektronik untuk Makmal Avionik telah dipindahkan ke bangunan baru ITAS dan dapat beroperasi dengan baik. Manakala, makmal latihan praktikal yang melibatkan enjin dan pesawat telah dipindahkan ke bangunan yang lebih selamat di Bangunan Fleet Kenderaan Lama yang telah diubahsuai. Sesi pembelajaran dapat berjalan dengan baik.

#### **5.3.4 Jumlah peningkatan bagi pembayaran yuran perunding belum dimuktamadkan kerana nilai keseluruhan projek belum diselaraskan.**

Sehingga November 2014, MINDEF telah membayar RM9.92 juta kepada pihak perunding dan dijangka meningkat sehingga RM12.78 juta berdasarkan kos keseluruhan projek. Bagaimanapun, jumlah peningkatan bagi pembayaran yuran kos perunding termasuk penyelia pengawasan tapak belum dimuktamadkan kerana nilai keseluruhan projek belum diselaraskan lagi oleh MINDEF.

### **Maklum balas MINDEF**

Jumlah bagi kos perunding untuk APK dan pelarasan harga kontrak telah disahkan adalah sebanyak RM11,013,983.81. Ini termasuk tambahan kos perunding yang telah diluluskan melalui Lembaga Perolehan A pada 21 Februari 2017 sebanyak RM290,845.51.

**Tindakan Preventif** : Bagi memastikan perunding yang dilantik melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan oleh MINDEF, penggunaan *eperunding* digunakan bagi memastikan pelaksanaan pemilihan perunding.

**5.3.5 Dokumen kontrak telah lewat disempurnakan selama 16 bulan selepas mengambil kira tempoh 4 bulan yang dibenarkan.**

Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 22 Januari 2010. Bagaimanapun, Dokumen Kontrak yang ditandatangani dengan kontraktor iaitu Keindah Sdn. Bhd. tidak menunjukkan tarikh kontrak ditandatangani. Namun dokumen kontrak ini telah disetemkan pada 14 September 2011. Berdasarkan tarikh ini menunjukkan Dokumen Kontrak telah lewat disempurnakan selama 16 bulan selepas mengambil kira tempoh 4 bulan yang dibenarkan.

**Maklum balas MINDEF**

MINDEF akur dengan penemuan dan teguran JAN. Masalah ini berlaku disebabkan MINDEF terpaksa mengambil masa bagi membuat semakan dan penyelarasan harga, meneliti draf kontrak serta lukisan kontrak yang disediakan oleh pihak perunding.

**Tindakan Preventif** : Satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan untuk memantau status kontrak termasuk tempoh menandatangani kontrak bagi setiap projek. Walau bagaimanapun, MINDEF akan mendapatkan kelulusan daripada MoF sekiranya terdapat kes-kes terpencil di mana kelewatan menandatangani kontrak disebabkan oleh perkara-perkara seperti kelewatan penyediaan lukisan kontrak atau pelarasan kadar harga kontrak. Selain itu, MINDEF juga menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dan dijadikan Indeks Prestasi Utama (KPI) kepada semua Pengurus Kontrak seperti mana Memo Arahan Pentadbiran Bahagian Pembangunan Bil. 2/2015 bertarikh 17 Februari 2015.

**5.3.6 Lima (5) jenis APK dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM1.61 juta telah selesai dilaksanakan melalui kelulusan secara prinsip tanpa mendapatkan kelulusan Pegawai Penguasa.**

Sebanyak lima (5) jenis APK dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM1.61 juta telah selesai dilaksanakan. Bagaimanapun, hanya kelulusan secara prinsip diperolehi tanpa kelulusan daripada Pegawai Penguasa.

**Maklum balas MINDEF**

MoF telah meluluskan kesemua lima (5) APK berjumlah RM1,366,085.89 pada 8 Mei 2015 dan 11 November 2015. Pembayaran telah dibuat pada 16 November 2016 setelah akaun akhir dimuktamadkan.

**Tindakan Preventif** : MINDEF telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bahagian Pembangunan Bil. 5/2015 bertarikh 17 Februari 2015 mengenai Larangan Penambahan dan Pengubahsuaian Skop Projek Yang Telah Dimuktamadkan Bagi Projek Pembangunan Kementerian Pertahanan.

**5.3.7 Semakan terperinci perlu dibuat di kawasan pembinaan bagi mengesahkan lukisan siap bina bersamaan dengan tuntutan yang dibuat.**

Lawatan fizikal JAN mendapati semua longkang yang dibina adalah berdasarkan *U-shape drain*. Bagaimanapun pihak JAN tidak dapat memastikan tuntutan yang dibuat oleh kontraktor sama ada longkang jenis *U-shape* atau *half round drain* kerana pihak kontraktor belum lagi memuktamadkan nilai sebenar kerja pembinaan tersebut.

**Maklum balas MINDEF**

Pihak perunding ukur bahan telah membuat pengukuran semula berdasarkan lukisan terkini yang dikemukakan oleh perunding jurutera pada 12 Mei 2015. MINDEF telah membuat pemeriksaan bersama dengan pihak perunding dan mengesahkan kerja oleh pihak kontraktor adalah sesuai dan boleh diterima. Hasilnya penjimatan sebanyak RM1,067,267.06 berbanding kos asal *surface water drainage* yang berjumlah RM5.94 juta.

**5.3.8 Cadangan permohonan APK bagi pembinaan pagar jenis *anti-cut & anti-climb* di Stor Peluru dan Stor Senjata dibatalkan kerana kekangan peruntukan.**

Mengikut lukisan asal dalam Dokumen Kontrak, Stor Peluru dan Stor Senjata dilengkapi dengan pagar jenis *chainlink*. Bagaimanapun, arahan daripada Markas Tentera Udara telah menetapkan kawasan Stor Peluru dan Stor Senjata tersebut perlu dilengkapi dengan pagar jenis *anti-cut & anti-climb* bagi menjamin keselamatan. Cadangan pembinaan pagar ini telah dimajukan melalui permohonan APK dengan anggaran kos berjumlah RM166,600.00. Bagaimanapun, permohonan APK ini telah dibatalkan kerana kekurangan peruntukan. Lawatan fizikal JAN mendapati Stor Peluru dan Stor Senjata tidak dapat digunakan kerana kawasan sekeliling stor ini tidak dilengkapi pagar keselamatan.

**Maklum balas MINDEF**

Kerja-kerja pembinaan pagar keselamatan bagi Stor Peluru dan Stor Senjata jenis *anti-cut & anti-climb* telah siap dilaksanakan oleh JKR Tentera pada 10 November 2015 dengan kos RM390,630.00. Kemudahan Stor Peluru dan Stor Senjata mula beroperasi sepenuhnya sejak Januari 2016.

**5.3.9 Sebahagian kerja binaan yang dilaksanakan kurang berkualiti; kemas lantai kurang memuaskan; kerja elektrik & mekanikal tidak sempurna dan kemas di tangga tertanggal.**

Semakan JAN mendapati sebahagian kerja binaan yang dilaksanakan kurang berkualiti; kemas lantai kurang memuaskan; wayar elektrik dibiarkan terdedah; kerja elektrik & mekanikal tidak sempurna dan kemas di tangga tertanggal.

**Maklum balas MINDEF**

MINDEF telah mengeluarkan Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan pada 15 Oktober 2014 kepada kontraktor selepas semua kecacatan dibaiki. TUDM telah menyerahkan tanggungjawab senggaraan bangunan/fasilitas di Kompleks Baru KTU kepada JKR Cawangan Senggaraan Bangunan dan Fasiliti – Tentera mulai Januari 2015. TUDM juga telah menyalurkan Peruntukan Anggaran Belanja Mengurus setiap tahun bagi kerja-kerja senggaraan preventif dan korektif.



**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 3(b)/2017 pada Rabu 15 Mac 2017**

## **6. RUMUSAN PAC PARLIMEN**

Berdasarkan prosiding bersama MINDEF, secara keseluruhannya PAC Parlimen berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh pihak MINDEF. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan daripada segi pengurusan dan pemantauan kerja-kerja di pihak MINDEF yang menyebabkan pelaksanaan projek ini kurang menepati prosedur dan arahan Kerajaan seperti yang ditetapkan.

## **7. SYOR PAC PARLIMEN**

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa perkara seperti berikut;

- 7.1 Peraturan-peraturan berkaitan pentadbiran kontrak perlu diberi perhatian dan dipatuhi sepenuhnya.
- 7.2 Pemantauan berkala yang lebih menyeluruh ketika pelaksanaan projek prasarana milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu diberikan penekanan dalam memastikan setiap aset keselamatan negara berada dalam keadaan siap siaga.
- 7.3 Pematuhan terhadap semua prosedur, pekeliling dan arahan-arahan Kerajaan perlu menjadi keutamaan bagi memastikan setiap ruang kelemahan dapat diminimakan.

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 3(b)/2017 pada Rabu 15 Mac 2017**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL. 4/2017 PADA KHAMIS 16 MAC 2017  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN SEMENTARA  
PARLIMEN**


<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<b>16 Mac 2017 (Khamis)  11.00 pagi</b>	<b>Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara, Kepala Batas, Pulau Pinang</b>	<b>Kementerian Pertahanan</b>

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 3(b)/2017 pada Rabu 15 Mac 2017**

**Bil. 3(b)**

**Rabu  
15 Mac 2017**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

#### **Mengenai:**

**Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara,  
Kepala Batas, Kedah**

- **Kementerian Pertahanan Malaysia**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 15 MAC 2017**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Naib Pengerusi*  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojgoh [Putatan]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

**URUS SETIA**

Puan Lavinia A/P Vyveganathan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Cik Fatin 'Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Terjemahan  
(Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan) (Pengurusan Dewan Rakyat)]  
Lt. Kol. (B) Mohd Amin bin Abdul Karim [Ketua Bentara Mesyuarat  
(Seksyen Bentara) (Pengurusan Dewan Rakyat)]

samb/-

**HADIR BERSAMA** (samb/-)**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud [Pengarah Sektor Audit Prestasi II]  
Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Timbalan Pengarah Sektor Audit Prestasi (Keselamatan 1)]

**Jabatan Audit Negara**

Puan Hafiza binti Yaakob [Ketua Penolong Pengarah Audit Prestasi (Bahagian II)]  
Encik Mohd Sukor bin Ngah [Sektor Audit Prestasi (Kementerian Pertahanan) (Bahagian II)]  
Encik Salutan Lisa [Penolong Pengarah Audit Prestasi II]  
Puan Nur Fasiha binti Abdul Halim [Penolong Juruaudit]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

YBhg. Dato' Sabariah binti Hassan [Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)]  
Encik Azlee Abu Bakar [Ketua Penolong Pengarah (K)A5]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Sarimah binti Husain [Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Encik Ahmad bin Ali [Pengarah (Keselamatan dan Ketenteraman Awam)]  
Encik Jeffery bin Yahya [Penolong Pengarah]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Pertahanan**

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Dato' Mohammad Foad bin Haji Abdullah [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]  
YBhg. Dato' Zaiton binti Johari [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]  
YBhg. Dato' Abd Aziz bin Md Nor [Setiausaha Bahagian (Pembangunan)]  
Encik Maniam A/L Arumugam [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]  
YBhg. Dato' Che Mohd Shukri bin Che Hassan [Setiausaha Bahagian (Audit Dalam dan Siasatan Am)]  
Puan Juraidah binti Abbas [Penasihat Undang-undang]  
Tuan Salim bin Ahmad [Ketua Unit (Integriti)]  
YBhg. Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]

samb/-



**SAKSI-SAKSI** *(samb/-)*

Kol. Ahmad Faiezzelan bin Abdul Karim [Pegawai Memerintah (Wisma Transit)]  
Lt. Kol. Roswandi bin Ismail [Pegawai dari Wisma Transit]  
Lt. Kol. Mohd Hanapiah bin Harun [Pegawai (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]  
Lt. Kol. Ahmad Inrahim bin Saáya [PS 1 Pengurusan (Markas Logistik Tentera Darat)]  
Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar [Ketua Penolong Setiausaha  
(Unit Awam/ 3 Khidmat Pembangunan)]  
Encik Mohd Sazuan bin Muhammad [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Awam/ 3 Khidmat Pembangunan)]  
Puan Muzaiyah binti Ahmad [Urus setia]  
Cik Zarina binti Rahim [Urus setia]  
Kapten Haris bin Idris [PS 3 Urusgerak MK LOGTD]  
Encik Shahrizal bin Azhar [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Udara) (Pembangunan)]  
Mejar Zakeman bin Abdul Ghani [Pegawai Cawangan Perancangan dan Pembangunan –  
Infrabina, Markas Tentera Udara]  
Mejar Badrul Hisyam bin Mohd Noor [Pegawai Kolej Tentera Udara]  
Lt. Kol. Haji Kamaruddin bin Mat Jani [MK ATM-BPKP]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA****Rabu, 15 Mac 2017****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.07 pagi***[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**■1240**

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Ya, terima kasih kepada Tuan Pengerusi PAC. Saya rasa memang seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia KSU itu, kebanyakan sembilan isu yang dibangkitkan untuk projek pembinaan Kolej Tentera Udara ini boleh dikatakan semua sudah *green* di isu *dashboard*. Seperti yang saya maklumkan tadi, kebanyakan sudah selesai. Walau bagaimanapun, tidak apalah kalau Dato'Sri KSU sendiri yang hendak *highlight* sendiri benda ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *can you*. Sila.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Tuan Pengerusi, *again* ini adalah senarai sembilan penemuan yang mana kita catat berdasarkan kepada utusan Jabatan Audit Negara, ia dianggap sebagai selesailah. Akan tetapi *again, you want to go quickly, then we are ready, Sir. If you want us to go through one-by-one...*

**Tuan Pengerusi:** Yang paling masalah, yang masalah yang mana?

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Masalah, saya tengok sudah- kalau kefahaman sayalah, *we have been-* dahulu ada masalah tetapi *we have been working very hard* dengan Audit dalam Jabatan Audit Negara di Kementerian Pertahanan *unless there are other team because we have been interacting with them very regularly*. Jadi, ini yang kita dapat perkembangan semacam ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Audit, apa-apa komen?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Dari segi saya sendiri Tuan Pengerusi, saya rasa tidak apa-apa hendak dibangkitkan lagilah sebab kita rasa semuanya telah ambil tindakan. Kalau sebut 'akan' itu memang saya akan *query* tetapi tengok ini semua sudah ambil tindakan, tidak ada masalahlah.

**Tuan Pengerusi:** Sudah selesai semuanya.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Dah selesai.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Bagus.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Cakap selesai, selesailah.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Kira selesailah. Tidak ada kes macam *paper* nombor satu tadi. Ini tidak ada masalah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Okey ya?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** ...Kepada kerajaan ya? Tidak ada?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Memang tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada ya. Ini tender? Ini tender bukan?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Ini tender lagi.

**Tuan Pengerusi:** Tenderkan. *On time* semua ya?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Yes.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, ada apa lagi? Naib Pengerusi? Yang Berhormat Kepong ada lagi? Ahli Yang Berhormat bekas tentera?... [*Disampuk*] Puas hati?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, dia kata *there is no element of wrong doing particularly on this*. Kita kata macam kecuaiian, itu satu kecuaiian. Perkataan kecuaiian tanpa memeriksa tentang yang *LOFSA not supposed to be included at all in the BAFIA. It should be all bank listed under BAFIA only*. Akan tetapi saya fikir ini kecuaiian sahajalah.

**Tuan Pengerusi:** Kecuaian?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Liang Teck Meng:** Tuan Pengerusi, ini kementerian ini yang antara kementerian yang saya sanjung tinggi sebab kita pertahankan kedaulatan negara. Akan tetapi sedangkan bila berdepan dengan kontraktor-kontraktor ini, kita *surrender*. Jadi saya mohonlah, kita perlu ambil tindakan ketat dan senarai hitamkan mereka yang merosakkan imej kita ini. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, yang pentingnya kita ada banyak kontraktor yang berkaliber. Kenapa kita pilih kontraktor seumpama ini? Itu soal pokok.

**Tuan Pengerusi:** Semoga ini satu pengajaranlah kepada Kementerian Pertahanan memilih kontraktor yang berwibawa dan kecuaiian dapat dikurangkan. Kita harap tindakan mahkamah segera bagi mendapatkan duit bon itulah. Kalau dapat baguslah, kalau tidak dapat ia akan menjadi kerugian kepada kerajaan. Terima kasih kepada Dato' Sri dan Timbalan-timbalan KSU datang. Jadi esok tidak payah datanglah, tidak ada sudah ya. Kita siapkan hari ini.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Kita ada makan di kafe. Kami ada SUHAKAM. Ahli Yang Berhormat ada SUHAKAM *briefing*, tidak dapat *join* lah dengan- kita di bilik taklimat kan? Sila semua jemput makan, kami tidak dapat makan sebab ada *briefing* ini. Okey, terima kasih. Mesyuarat ditangguhkan.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.45 tengah hari.]***